



# **PANDUAN RINGKAS**

## **CARA PENGENDALIAN UBAT-UBAT DI**

### **HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA**

EDISI 1.0.0  
27 FEBRUARI 2017

## 1. Perkara Asas Cara Menyimpan Ubat

- a. Semua jenis ubat hendaklah disimpan di dalam bekas/sampul yang dibekalkan oleh pihak farmasi.
- b. Semua jenis ubat perlu disimpan di tempat bersuhu bilik ( $25^{\circ}\text{C}$ ), kering dan tidak terkena terik matahari (atau berhampiran tempat panas, cth : dekat dengan belakang peti sejuk) melainkan ia dinyatakan perlu disimpan di dalam peti sejuk (julat antara  $2^{\circ}\text{C}$  -  $8^{\circ}\text{C}$ ). Rujuk jadual 1 untuk senarai ubat simpanan peti sejuk..



Label ubat simpanan  
peti sejuk


- c. Asingkan tempat simpanan ubat yang digunakan secara internal (oral) dengan ubat yang digunakan secara eksternal.
- d. Sentiasa semak tarikh luput, keadaan ubat serta bekas ubat sebelum digunakan.
- e. Tarikh luput ubat akan berubah selepas ia dibuka. Rujuk jadual 4 untuk maklumat lanjut.
- f. Buat senarai semak ubat-ubatan yang menghampiri tarikh luput bagi memudahkan pemantauan.
- g. Catat tarikh buka dan tarikh luput baru di bekas ubat. Untuk ubat sediaan galenikal dan ubat 'freshly prepared' tarikh luput mengikut tarikh yang ditentukan oleh pihak farmasi.



**Cara 1 : Ubat di dalam botol**  
 Tarikh buka/luput dicatat pada penutup botol



**Cara 2 : Ubat di dalam botol**  
 Tarikh buka/luput dicatat pada pelekat berwarna berwarna



**Ubat injeksi**  
 Tarikh buka/luput dicatat pada pelekat yang dibekal farmasi



**Ubat titik/salap (drop/ointment) mata & telinga**  
 Tarikh buka/luput dicatat pada pelekat yang dibekal farmasi

## 2. Senarai Ubat Perlu Simpan Di Dalam Peti Sejuk (Julat suhu antara 2°C -8°C)

Jadual 1 : Senarai Ubat Peti Sejuk

| NAMA UBAT DAN KEKUATAN   | TEMPOH SIMPANAN SELEPAS DI BUKA               |
|--|---|
| Ascorbic Acid 100 mg Tablet  | Mengikut tarikh yang ditentukan pihak farmasi |
| Benzyl Benzoate, Zinc Oxide & Balsam Peru (Anusol) Suppository     | 'Single use'                                  |
| Bisacodyl 10 mg Suppository  | 'Single use'                                  |
| Chloramphenicol 0.5% Eye Drops (CMC eye drop)                      | 4 minggu                                      |
| Chloramphenicol 5% w/v Ear Drops (CMC ear drop)                    | 4 minggu                                      |
| Insulin (Cth : Humulin 30/70, Insulatard, Actrapid) vial & penfill | 6 minggu                                      |
| Salbutamol 0.5 % Nebulising Solution                               | 3 bulan                                       |
| Snake Antivenom Serum  | 'Single use'                                  |
| Suxamethonium Chloride 50 mg/ml Inj                                | 'Single use'                                  |
| Tetanus Toxoid Injection (Anti-Tetanus Toxoid, ATT)                | 4 minggu                                      |
| Zuclopenthixol 20mg/ml Drops (Clopixol Drops)                      | 6 minggu                                      |
| Zuclopenthixol Acetate 50 mg/ml Injection (Clopixol Acuphase)      | 'Single use'                                  |
| Zuclopenthixol Decanoate 200mg/ml Injection (Clopixol Depot)       | 'Single use'                                  |

**Catatan :** Ubat minum tidak digalakkan untuk disimpan di dalam peti sejuk bagi mengelakkan ubat cepat rosak disebabkan oleh proses kondensasi serta bagi mengelakkan ubat cecair tersebut bertukar menjadi hablur kristal (crystallize).

### 3. Lokasi Simpanan Ubat Di Dalam Peti Sejuk

Suhu peti sejuk yang menyimpan ubat-ubatan perlu dipantau dan dicatat pada borang yang telah ditetapkan. Apabila suhu melebihi julat yang ditetapkan sila buat aduan kepada bahagian perkhidmatan sokongan hospital.

Lokasi simpanan ubat di dalam peti sejuk. Jangan simpan di tempat sejuk beku & pintu peti sejuk.

Bagi menjamin kualiti ubat, ubat yang telah disenarai di dalam senarai simpanan peti sejuk perlu disimpan didalam peti sejuk sejurus tiba di wad.



### 4. Senarai Ubat Dengan Cara Simpanan Khusus

Jadual 2 : Senarai Ubat Dengan Cara Simpanan Khusus

| NAMA UBAT DAN KEKUATAN  | CATATAN                              |
|---|--------------------------------------|
| Glyceryl Trinitrate 0.5mg Tablet                                  | Disimpan di dalam botol 'amber'      |
| Ascorbic Acid 100 mg Tablet                                       | Disimpan di dalam bekas/sampul gelap |
| Essential Phospholipids Capsule                                   | Disimpan di dalam bekas/sampul gelap |
| Valproic Acid/Sodium Valproate (ER) 500mg Tablet (Epilim Chrono®) | Disimpan di dalam bekas kedap udara  |

## 5. Cara Membaca Tarikh Luput

Jadual 3 : Cara Membaca Tarikh Luput

| <b>PERKATAAN PADA BUNGKUSAN/BEKAS UBAT</b> | <b>DEFINISI</b>                                |
|--|--|
| Best Before January 2017                   | Tarikh luput 31/12/2016                        |
| Use Before End January 2017                | Tarikh luput 31/1/2017                         |
| Use by January 2017                        | Tarikh luput 31/12/2016                        |
| Discard after January 2017                 | Tarikh luput 31/1/2017                         |
| Expires January 2017                       | Tarikh luput 31/1/2017                         |
| Use within one month of opening            | Luput satu bulan (30 hari) selepas tarikh buka |

## 6. Ringkasan Tarikh Luput Selepas Ubat Dibuka

Jadual 4 : Ringkasan Tarikh Luput Selepas Ubat Dibuka

| <b>FORMULASI &amp; BEKAS PEMBUNGKUSAN UBAT</b>   | <b>CADANGAN TARIKH LUPUT SELEPAS DIBUKA</b>          | <b>CATATAN</b>  |
|--|--|---|
| Tablet & Kapsul :<br>Dikeluarkan dari bekas asal (Cth : Ubat dipotong untuk mendapatkan dos pesakit) | 2 bulan dari tarikh ubat dikeluarkan dari bekas asal | Kontaminasi boleh berlaku. Simpan baki ubat mengikut cara penyimpanan ubat yang betul serta pastikan ubat dihabiskan secepat mungkin. |
| Tablet & Kapsul : Ubat 'loose' dibungkus semula  | 6 bulan dari tarikh dibungkus semula                 | Ubat telah dikeluarkan dari bekas asal. Kontaminasi boleh berlaku.  |
| Ubat minum di dalam bekas asal   | 6 bulan, tidak termasuk sirap antibiotik             | Ubat telah dibuka dimana kontaminasi boleh berlaku.   |
| Ubat eksternal di dalam bekas asal (cth: losyen & shampoo)   | 6 bulan  | Ubat telah dibuka dimana kontaminasi boleh berlaku.   |
| Ubat sediaan galenikal atau ubat cecair (internal & eksternal) yang dipindah ke bekas lain           | Mengikut tarikh luput yang diberi oleh pihak farmasi | Ubat telah dipindah ke bekas lain, kontaminasi boleh berlaku  |
| Krim/losyen dalam bekas tab (tub)  | 3 bulan  | Bukaan bekas ubat besar, ubat disentuh secara fizikal ketika digunakan, kontaminasi boleh berlaku                                     |
| Krim/losyen dalam bekas tiub (tube) atau yang mempunyai pam (pump dispenser)                         | 6 bulan  | Ubat di dalam bekas tertutup, hanya satu tempat ubat keluar   |
| Ubat titik/salap (drop/ointment) mata, telinga & hidung  | 4 minggu   | Cadangan dari pengilang, mencegah kontaminasi walaupun mempunyai agen antibakteria  |
| Ubat sedut (Inhaler)   | Mengikut tarikh luput pengilang                      | Ubat di dalam bekas tertutup, hanya satu tempat ubat keluar   |

|  |  |   |
|--|--|---|
| Ubat cucuk selain insulin                          | 'Single use' ampul/vial :<br>Sekali guna, buang baki<br>ubat       | Memastikan ubat steril  |
|  | Multidose vial (cth:<br>vaksin) : Mengikut<br>cadangan pengilang   | Mengandungi agen antibakteria   |
|  | IV Drip : Sekali guna<br>untuk seorang pesakit,<br>buang baki ubat | Memastikan ubat steril  |
| Insulin (vial & penfill)                           | 6 minggu   | Pastikan keadaan fizikal ubat<br>masih baik & disimpan pada<br>suhu yang sesuai |
| Suppositories /pessaries<br>/rectal tubes/ patches | 'Single use'   | Ubat dipek secara 'single use'  |

1. Cadangan tarikh luput ini terguna pakai sekiranya ubat disimpan mengikut cara simpanan ubat yang betul (Rujuk muka surat 2). Cara simpanan ubat yang salah boleh menyebabkan ubat rosak dan tidak berkesan seterusnya menyebabkan pembaziran.
2. Tarikh luput ini mungkin berbeza mengikut jenis ubat, jenama ubat dan pengilang.
3. Pemeriksaan ubat secara fizikal WAJIB dilaksanakan bagi memastikan keadaan ubat tidak berubah secara fizikal (bentuk, warna dan bau) serta bekas ubat tidak rosak (pecah, bocor atau berkarat). Sila dapatkan nasihat pihak farmasi sekiranya perkara tersebut berlaku.



## 7. Senarai Ubat Dengan Tarikh Luput Khusus Selepas Dibuka

Jadual 5 : Senarai Ubat Dengan Tarikh Luput Khusus Selepas Dibuka

| NAMA UBAT & FORMULARI   | CADANGAN TARIKH LUPUT SELEPAS DIBUKA |
|---|--------------------------------------|
| Glyceryl Trinitrate 0.5mg Tablet                                | 8 minggu                             |
| Risperidone 1mg/ml Oral Solution (Risperdal® Solution)          | 3 bulan                              |
| Zuclopenthixol 20mg/ml Drops (Clopixol® Drops)                  | 6 minggu                             |
| Timolol Maleate 0.5% Eye Drops, Preservative Free (Timo-COMOD®) | 12 minggu                            |

1. Cadangan tarikh luput ini terguna pakai sekiranya ubat disimpan mengikut cara simpanan ubat yang betul (Rujuk muka surat 2). Cara simpanan ubat yang salah boleh menyebabkan ubat rosak dan tidak berkesan seterusnya menyebabkan pembaziran.
2. Tarikh luput ini mungkin berbeza mengikut jenis ubat, jenama ubat dan pengilang.
3. Pemeriksaan ubat secara fizikal WAJIB dilaksanakan bagi memastikan keadaan ubat tidak berubah secara fizikal (bentuk, warna dan bau) serta bekas ubat tidak rosak (pecah, bocor atau berkarat). Sila dapatkan nasihat pihak farmasi sekiranya perkara tersebut berlaku.

## 8. Senarai Ubat Dengan Pengendalian Khusus

Jadual 6 : Senarai Ubat Dengan Pengendalian Khusus

| NAMA UBAT & FORMULARI   | CATATAN   |
|---|---|
| Sodium Valproate 200 mg Tablet (Epilim®)                          | Ubat sangat sensitif kepada cecair. Pastikan tangan bersih & kering ketika mengendalikan ubat ini. Ubat perlu dimakan oleh pesakit <b>SEBAIK SAHAJA</b> dikeluarkan dari 'blister'. |
| Valproic Acid/Sodium Valproate (ER) 500mg Tablet (Epilim Chrono®) |   |
| Olanzapine 5mg & 10mg DISINTEGRATING Tablet (Zydis®)              |   |
| Asenapine 5mg & 10mg Sublingual Tablet (Saphris®)                 |   |

Rujukan dan adaptasi dari :

1. Guidance on the Expiry Dates and Storage of Medicine in Care Homes (With or without nursing), Herefordshire Clinical Commissioning Group, February 2016
2. Good Practice Guidance Q : Guidance on the Expiry Dates and Storage of Medicines in Care Homes (With or without nursing), Oxfordshire Clinical Commissioning Group, November 2012
3. Good Practice Guidance for Care Homes – Expiry Dates, Sheffield Clinical Commissioning Group, June 2013
4. Lampiran (insert & leaflet) produk ubat dari pengilang bagi jenama yang digunakan di hospital ini.

**Diterbitkan oleh :**

Unit DIS, Hospital Bahagia Ulu Kinta

**Disemak & disahkan oleh :**



.....  
PN. NALINI A/P KRISHNASAMY  
Ketua Pegawai Farmasi UF54  
Hospital Bahagia Ulu Kinta

**Tarikh disemak & disahkan :**

27 / 02 / 2017

**Tarikh untuk disemak semula :**

15 Januari 2019

# LAMPIRAN